

07/03/2001

PM kesal dakwaan Umno mahu bunuh orang Cina

PENDANG, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kesal dengan taktik kotor pembangkang yang menuduh kononnya Umno ingin membunuh orang Cina berhubung isu tuntutan tujuh perkara yang dikemukakan Jawatankuasa Rayuan Pilihanraya Persatuan-persatuan Cina (Suqiu).

Perdana Menteri berkata, pemimpin pembangkang sengaja menggunakan slogan 'kalau orang Umno ingin membunuh orang Cina, langkah mayat kami dahulu,' semata-mata untuk meraih sokongan masyarakat itu.

Beliau berkata, kenyataan itu disebarikan pemimpin pembangkang menerusi Internet.

Menurutnya, perkara itu sengaja direka, sedangkan Umno tidak pernah berniat untuk berperang dengan sesiapa, termasuk masyarakat Cina, walaupun sesetengah golongan dalam Umno menentang tujuh tuntutan Suqiu.

"Kita tak ada niat apa pun. Tetapi dia nak tunjuk kepada orang Cina, dia sanggup buat apa saja untuk orang Cina, nak bagi depa (masyarakat Cina) benci kepada Umno," katanya selepas majlis kenduri korban di Masjid Kampung Bendang Raja dekat sini, hari ini.

Turut hadir, Ketua Umno Bahagian Pendang, Datuk Othman Abdul dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Sungai Tiang, Md Rozai Shafian.

Dr Mahathir berkata demikian ketika diminta mengulas ucapannya dalam majlis itu bahawa ada pemimpin pembangkang sanggup membunuh orang Islam dalam Umno jika Umno ingin membunuh masyarakat Cina.

Sehubungan itu, Dr Mahathir meminta rakyat tidak terpengaruh dengan tohmahan sedemikian kerana ia bukan setakat bertujuan meraih sokongan politik, malah menimbulkan suasana tegang antara kaum.

Terdahulu, Dr Mahathir menghadiri majlis yang sama di Masjid Kampung Bukit Lada, Pokok Sena dekat Alor Star.

Diminta mengulas lebih lanjut mengenai tujuh tuntutan Suqiu yang tidak dipersetujui Umno, Dr Mahathir berkata:

"Kita semua tak bersetuju dengan cadangan itu (tuntutan). Cuma tuntutan itu saja. Bukan kita nak perang dengan orang ... nak bunuh orang, tapi dia (pembangkang) cipta kononnya macam kita nak bunuh orang Cina. Dialah (pembangkang) nak jadi juara."

Isu tuntutan tujuh perkara itu sebelum ini menimbulkan kemarahan ahli Umno dan masyarakat Melayu hingga mendorong Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) menganjurkan perhimpunan di Terengganu bagi menentang tuntutan berkenaan.

Bagaimanapun, hasil perbincangan Pergerakan Pemuda Umno dengan Suqiu, jawatankuasa berkenaan bersetuju menggugurkan tujuh tuntutan berkenaan.

Dr Mahathir berkata, pembangkang sanggup berbuat apa saja untuk mendapatkan sokongan politik, sama seperti kenyataan Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Aziz Nik Mat sebelum pilihan raya umum November 1999, kononnya Tuhan juga mencarut.

"Macam Nik Azizlah. Dia kata Tuhan mencarut pun orang sokong dia juga. Dia orang anggap orang dia tak boleh lari dah. Kalau dia dapat undi Cina, dia boleh menang.

"Sebab itu dia sanggup kata macam-macam yang tak baik ... kononnya macam Umno ini nak serang orang Cina. Ini tak betul," katanya.

(END)